KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

HRD CORP
HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION

No Rujukan : (33) PSMB/20/8 Kulit 8
Tarikh : 18 Ogos 2026

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 2/2026

PELAKSANAAN LAGU PATRIOTIK BAGI PROGRAM LATIHAN YANG MENERIMA BANTUAN KEWANGAN HRD CORP SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2026

1.0 TUJUAN

1.1 Pekeliling ini bertujuan menetapkan kewajipan kepada Majikan dan Penyedia Latihan yang melaksanakan program latihan dengan bantuan kewangan HRD Corp untuk memainkan lagu patriotik sebelum setiap sesi latihan dimulakan sebagai salah satu usaha memupuk semangat patriotisme, perpaduan, jati diri dan kecintaan terhadap negara dalam kalangan tenaga kerja Malaysia.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 HRD Corp memainkan peranan penting dalam pembangunan modal insan negara melalui penyediaan bantuan kewangan bagi membolehkan majikan melaksanakan latihan dan pembangunan kompetensi pekerja.

2.2 Pembangunan tenaga kerja yang berkualiti bukan sahaja melibatkan peningkatan kemahiran dan kompetensi, tetapi turut merangkumi pembentukan tenaga kerja yang mempunyai jati diri, semangat perpaduan dan rasa tanggungjawab terhadap negara.

2.3 Sehubungan dengan sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026, HRD Corp mengambil inisiatif untuk menjadikan platform latihan yang menerima bantuan kewangan HRD Corp sebagai salah satu medium bagi menyemarakkan semangat patriotisme dalam kalangan pekerja dan peserta latihan.

2.4 Inisiatif ini juga bertujuan memastikan semangat patriotisme dapat diterapkan secara lebih meluas melalui ekosistem latihan yang melibatkan Majikan, Penyedia Latihan, jurulatih dan peserta.

3.0 OBJEKTIF

Pelaksanaan ketetapan ini adalah untuk:

3.1 Memupuk semangat patriotisme, perpaduan dan jati diri dalam kalangan tenaga kerja Malaysia.

3.2 Menjadikan platform latihan sebagai medium menyemarakkan semangat kecintaan kepada negara sempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026.

3.3 Memperkukuh nilai Malaysia MADANI melalui pembangunan tenaga kerja yang berkemahiran, berintegriti, bersatu padu dan mempunyai jati diri.

4.0 SKOP DAN KETETAPAN PELAKSANAAN

4.1 Pekeliling ini terpakai kepada semua Majikan dan Penyedia Latihan yang melaksanakan program latihan dengan bantuan kewangan HRD Corp.

4.2 Semua program latihan yang diluluskan yang mendapat bantuan kewangan HRD Corp hendaklah memainkan lagu patriotik sebelum setiap sesi latihan dimulakan, termasuk latihan yang dilaksanakan secara dalam talian.

4.3 Sepanjang tempoh pelaksanaan, lagu patriotik yang perlu dimainkan adalah seperti berikut dan boleh diperoleh melalui bahan rasmi yang disediakan oleh Radio Televisyen Malaysia (RTM):

i. **Negaraku**; dan
ii. **Generasi Muda - Aku Kasih Malaysia**.

4.4 Lagu-lagu tersebut hendaklah dimainkan mengikut susunan yang betul dan dalam suasana yang sesuai sebelum sesi latihan dimulakan.

4.5 Majikan dan penyedia latihan hendaklah memastikan ketetapan ini dimaklumkan kepada jurulatih, fasilitator dan peserta. Pematuhan terhadap ketetapan ini tertakluk kepada pemantauan dan pengesahan oleh HRD Corp.

5.0 TARIKH KUAT KUASA

5.1 Pekeliling ini berkuat kuasa serta-merta sehingga 16 September 2026, bersempena sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia 2026.

5.2 HRD Corp boleh menyemak, melanjutkan, mengubah suai atau menamatkan keperluan ini selepas tempoh yang ditetapkan berdasarkan keperluan pelaksanaan dan keberkesanannya.

6.0 PERTANYAAN

6.1 Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Pusat Khidmat Pelanggan kami melalui e-mel support@hrdcorp.gov.my atau talian **1300 88 4800**.

'MADANI Bekerja'

.....

TN. HJ. AMIR HAMZAH BIN RAHMAT
Chief Operating Officer
Human Resource Development Corporation (HRD Corp)

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

HRD CORP
HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT CORPORATION

PELAKSANAAN LAGU PATRIOTIK BAGI PROGRAM LATIHAN YANG MENERIMA BANTUAN KEWANGAN HRD CORP SEMPENA SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN HARI MALAYSIA 2026

AKSES VIDEO BERKAITAN

Negaraku

IMBAS UNTUK MUAT TURUN

atau

KLIK PAUTAN DI BAWAH
UNTUK MUAT TURUN

Klik di sini untuk menonton video

Generasi Muda - Aku Kasih Malaysia

IMBAS UNTUK MUAT TURUN

atau

KLIK PAUTAN DI BAWAH
UNTUK MUAT TURUN

Klik di sini untuk menonton video